



STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) **MARDI 2026 – 2030**

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

STRATEGI

ANTIRASUAH (STAR)

MARDI 2026 – 2030

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)



INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)

Cetakan pertama 2026

Hak cipta terpelihara ©

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada MARDI

Diterbitkan oleh:

Penerbit MARDI

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Ibu Pejabat MARDI

Persiaran MARDI-UPM,

43400 Serdang, Selangor

• Tel: 03-8953 7203 / 6921 • Faks: 03-8953 7232

• E-mel: penerbit@mardi.gov.my

• Laman Web: ebookshop.mardi.gov.my

PENERBIT MARDI

Editor Perolehan:

Hazida Syima Hamazah

Reka Grafik:

Ahmad Rofli Amir

Dicetak oleh:

Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)

Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)

KANDUNGAN

Amanat Ketua Pengarah MARDI	vi
Perutusan Pengerusi Jawatankuasa Pemantauan Rasuah, Tatakelola dan Integriti (JPRTI)	viii
Kata Alu-Aluan Pengarah Unit Integriti	x
Penyataan Komitmen	xii
Ringkasan Eksekutif	xiii
BAB 1: PENDAHULUAN	1
Penubuhan, Visi & Misi, Matlamat, Teras dan Fungsi MARDI	2
Sorotan Utama, Sepintas Lalu, Kesan Pelaksanaan PERANTI MARDI 2021 - 2025	5
Keperluan Pembangunan, Isu dan Cabaran, Bidang Berisiko STAR MARDI 2026 – 2030	14
BAB 2: PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH	23
Analisis Kuadran	24
Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi	25
Strategi dan Inisiatif STAR MARDI 2026 – 2030	26
BAB 3: MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH	52
Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan STAR	52
Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan	53
BAB 4: KESIMPULAN & PENGHARGAAN	61
Harapan MARDI Terhadap Pelaksanaan STAR	62
Penghargaan	63



Sebagai dokumen hidup yang dimiliki oleh seluruh warga MARDI, saya berharap STAR MARDI 2026 – 2030 ini dapat melonjakkan reputasi dan prestasi MARDI sebagai sebuah institusi yang bebas daripada amalan rasuah, salah laku integriti, pelanggaran tatakelakuan dan etika organisasi.

**DATO' DR. HAJI MOHAMAD
ZABAWI BIN ABDUL GHANI**
Ketua Pengarah MARDI



AMANAT KETUA PENGARAH MARDI

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Integriti

MARDI sentiasa konsisten menjunjung visinya, iaitu penjana terulung teknologi inovatif untuk kelestarian dan daya saing industri pertanian menjelang 2030. Untuk mencapai visi ini, MARDI perlu mengamalkan prinsip tatakelola baik, berintegriti tinggi serta menolak budaya rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa.

Selaras dengan aspirasi Kerajaan dalam mengangkat agenda reformasi Malaysia melalui usaha pencegahan rasuah, Kerajaan telah melancarkan Strategi Pembanteras Rasuah Nasional (NACS) sebagai kesinambungan dan penambahbaikan daripada Pelan Antirasuah Nasional (NACP) yang dimulakan pada tahun 2019. NACS menyediakan rangka kerja dan menunjukkan arah yang jelas untuk membanteras rasuah di setiap peringkat di samping mengukuhkan integriti, ketelusan, dan kebertanggungjawaban semua pihak di seluruh negara. Dalam menyahut aspirasi Kerajaan tersebut, Strategi Antirasuah (STAR) MARDI 2026 – 2030 ini dilancarkan sebagai bukti nyata bahawa MARDI sentiasa bersama Kerajaan dalam usaha membanteras rasuah, memantapkan tatakelola dan mengukuhkan integriti.

Saya menzahirkan ucapan syabas dan tahniah kepada semua yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas sumbangan fizikal dan mental serta komitmen dalam merealisasikan STAR MARDI 2026 – 2030 ini. Saya menyeru kepada semua pegawai MARDI supaya dapat memastikan setiap inisiatif yang dirangka dapat difahami dengan penuh dedikasi dan dilaksanakan dengan penuh konsisten agar Visi, Misi dan Matlamat STAR MARDI dapat dicapai menjelang tahun 2030.

Sekian, terima kasih.



Saya berharap agar STAR MARDI 2026 – 2030 ini dapat dijadikan sebagai instrumen kawalan dalaman yang cekap dan berkesan ke arah membanteras rasuah, memantapkan tatakelola dan integriti di MARDI.

DR. SANIMAH BINTI SIMOH

Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan dan Operasi)
Merangkap Pengerusi
Jawatankuasa Pemantauan Rasuah,
Tatakelola dan Integriti (JPRTI)

PERUTUSAN **PENGERUSI JAWATANKUASA PEMANTAUAN RASUAH, TATAKELOLA DAN INTEGRITI**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Integriti

Saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana
dengan limpah perkenan dan rahmat-Nya,
MARDI telah berjaya menghasilkan Strategi
Antirasuah (STAR) MARDI 2026 – 2030.

Pelan ini merupakan kesinambungan
daripada Pelan Risiko Antirasuah (PERANTI)
MARDI 2021 – 2025 yang bersumberkan
kepada pangkalan data sedia ada dan
perancangan senario. Setiap inisiatif yang
dibangunkan dalam STAR MARDI 2026 –
2030 ini terhasil daripada sesi perbincangan
antara Pegawai Risiko daripada Pusat
Tanggungjawab dan Konsultan daripada
Institut Integriti Malaysia (IIM) semasa
Bengkel Penilaian Risiko Rasuah/Corruption
Risk Assessment (CRA) pada 8 – 10 Oktober
2025 serta Bengkel Pemurnian STAR MARDI
2026 – 2030 pada 17 – 18 November 2025.

Semua risiko dan inisiatif STAR MARDI
2026 – 2030 ini juga telah dibentangkan
di peringkat Jawatankuasa Pemantauan
Rasuah, Tatakelola dan Integriti (JPRTI)
pada 29 Oktober 2025 dan Jawatankuasa
Pengurusan Korporat MARDI (JPKM) pada
27 November 2025 untuk perakuan sebelum
diluluskan oleh Lembaga Pengelola MARDI
pada 19 Disember 2025.

Saya merakamkan ucapan terima
kasih kepada semua Ahli Jawatankuasa
Pemantauan Rasuah, Tatakelola dan
Integriti (JPRTI), Pengarah dan Pegawai
Risiko daripada Pusat Tanggungjawab,
Pegawai dari Institut Integriti Malaysia serta
semua pihak yang terlibat secara langsung
atau tidak langsung dalam merealisasikan
pembangunan STAR MARDI 2026 – 2030 ini.

Sekian, terima kasih.



*Besarliah harapan saya
untuk melihat STAR MARDI
2026 – 2030 ini berjaya
dilaksanakan dan menjadi
rujukan penting dalam
usaha membanteras rasuah,
memantapkan tatakelola
dan mengukuhkan integriti di
MARDI.*

NOR HAFIZAH BINTI HASSIM

Pengarah

Unit Integriti MARDI



KATA ALU-ALUAN **PENGARAH** **UNIT INTEGRITI**

Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Integriti

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan limpah perkenan dan izin-Nya, Strategi Antirasuah (STAR) MARDI 2026 – 2030 yang holistik dan komprehensif telah dapat dirangka, dibangun dan diterbitkan.

Bagi mendukung aspirasi Kerajaan dalam mengangkat agenda reformasi Malaysia melalui usaha pencegahan rasuah, MARDI komited menyahut aspirasi tersebut dengan membangunkan STAR MARDI 2026 – 2030 sebagai wadah dalam membanteras amalan rasuah, memantapkan tatakelola dan integriti di MARDI. Inisiatif yang dirangka telah mengambil kira isu-isu semasa serta perancangan strategik MARDI ke arah mewujudkan sebuah institusi yang bebas rasuah dan berintegriti berlandaskan prinsip tatakelola baik.

Saya mewakili seluruh warga kerja Unit Integriti merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas segala kerjasama dan komitmen jitu yang telah dicurahkan oleh Pengurusan Tertinggi MARDI, Jawatankuasa Pemantauan Rasuah, Tatakelola dan Integriti (JPRTI), Pengarah dan Pegawai Risiko daripada Pusat Tanggungjawab, Konsultan daripada Institut Integriti Malaysia (IIM) serta semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan STAR MARDI 2026 – 2030.

Besarliah harapan saya untuk melihat STAR MARDI 2026 – 2030 ini berjaya dilaksanakan dan menjadi rujukan penting dalam usaha membanteras rasuah, memantapkan tatakelola dan mengukuhkan integriti di MARDI.

Semoga usaha murni kita semua dalam menjayakan STAR MARDI 2026 – 2030 ini beroleh rahmat dan ganjaran daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

PENYATAAN KOMITMEN

Strategi Antirasuah (STAR) MARDI 2026 – 2030 adalah dokumen dinamik yang mencerminkan komitmen MARDI bagi pelaksanaan berkesan dalam menggariskan pelan tindakan dan inisiatif untuk membanteras gejala rasuah secara cekap dan sistematik.

Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 – 2023 dan Strategi Pembanterasannya Rasuah Nasional (NACS) 2024 – 2028 serta Pelan Risiko Antirasuah (PERANTI) MARDI 2021 – 2025 menjadi sumber rujukan utama dalam pembangunan Strategi Antirasuah (STAR) MARDI 2026 – 2030. Pelan ini akan meliputi isu dalaman organisasi berkaitan dengan kelemahan integriti, tatakelola dan rasuah yang harus ditangani.

Kerangka STAR telah dikenal pasti hasil daripada sesi perbincangan serta Bengkel Penilaian Risiko dan Bengkel Pemurnian untuk mendapatkan input yang komprehensif dari semua Pusat Tanggungjawab. Kerjasama semua pihak terlibat dalam membudayakan integriti serta komited dalam usaha untuk membasmi rasuah di semua peringkat serta menutup ruang dan peluang yang mungkin boleh berlaku di Pusat Tanggungjawab.

Pengurusan Tertinggi MARDI sesungguhnya komited dan bertekad akan memastikan segala pelan tindakan dan inisiatif yang telah digubal dapat dilaksanakan bersama-sama pihak berkepentingan dan warga MARDI.

Semoga langkah ini akan meningkatkan keyakinan semua pihak terhadap perkhidmatan MARDI dalam menjana dan mempromosi teknologi baru, wajar dan efisien untuk kemajuan industri makanan, pertanian dan industri asas tani.

Adalah diharapkan supaya STAR MARDI 2026 – 2030 ini dapat menjadi panduan bagi semua warga MARDI khususnya merealisasikan pelan tindakan dan inisiatif yang telah digariskan bagi memartabatkan budaya kerja berintegriti, tadbir urus baik dan memastikan penyampaian perkhidmatan yang lebih cekap.

BAB

1

Memberi tumpuan kepada sorotan OACP MARDI 2021 – 2025 meliputi pelancaran, semakan semula, prestasi dan pembaharuan. Selain itu, bab ini juga menyentuh kesan pelaksanaan inisiatif OACP MARDI 2021 – 2025 ke atas statistik aduan integriti, hukuman tatatertib dan penemuan laporan audit.

Strategi Antirasuah (STAR) MARDI 2026 – 2030 ini diwujudkan sebagai kesinambungan daripada Pelan Risiko Antirasuah (PERANTI) MARDI 2021 – 2025 seiring dengan peluncuran Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 7 Mei 2024. Pelan ini merupakan dokumen hidup MARDI yang menggariskan tindakan bersepadu dan menyeluruh dalam usaha pembanterasan rasuah, pemantapan tatakelola dan integriti di MARDI bagi tempoh lima tahun mulai 2026 sehingga 2030.

RINGKASAN EKSEKUTIF

Memberi tumpuan kepada pengukuhan aspek tatakelola, integriti dan antirasuah meliputi analisis kuadran, kerangka dan ringkasan inisiatif STAR MARDI 2026 – 2030. Bab ini juga menghuraikan keutamaan strategi dan pelan tindakan bagi enam bidang keutamaan, iaitu Penyelidikan, Pemindahan Teknologi, Kewangan, Tadbir Urus, Pentadbiran dan Sumber Manusia. Daripada enam Bidang Keutamaan ini, terdapat 6 Strategi, 11 Objektif Strategik dan 64 Inisiatif dengan 38 inisiatif bersifat jangka pendek (1 – 2 tahun) manakala 26 inisiatif lagi adalah dalam jangka masa panjang (3 – 5 tahun).

BAB

2

BAB

3

Memberi fokus kepada mekanisme pemantauan dan penilaian pelaksanaan STAR MARDI 2026 – 2030. Mekanisme ini penting bagi memantau kemajuan pelaksanaan inisiatif yang dibuat oleh semua Pusat Tanggungjawab agar selari dengan kerangka pelaksanaan STAR MARDI 2026 – 2030. Selain itu, mekanisme ini berupaya untuk mengenal pasti risiko dan jurang dalam pelaksanaan inisiatif STAR supaya setiap perancangan yang dibuat dapat diselaraskan dengan sewajarnya agar mencapai hasil yang dihasratkan.

Ringkasan keseluruhan pelaksanaan STAR dan hasrat menjadikan MARDI sebagai sebuah organisasi yang progresif, berdaya maju dan bebas rasuah.

Oleh hal demikian, kerjasama padu semua pihak amat diperlukan dalam memastikan inisiatif STAR MARDI 2026 – 2030 ini terlaksana dengan jayanya.

BAB

4





01

-
- Sejarah Penubuhan, Visi & Misi, Matlamat, Teras dan Fungsi MARDI
 - Sorotan Utama, Sepintas Lalu, Kesan Pelaksanaan PERANTI MARDI 2021 – 2025
 - Keperluan Pembangunan, Isu dan Cabaran, Bidang Berisiko STAR MARDI 2026 – 2030

01

PENDAHULUAN

TENTANG MARDI

PENUBUHAN

MARDI ditubuhkan dengan objektif utama untuk menjana dan mempromosi teknologi baru, wajar dan efisien untuk kemajuan industri makanan, pertanian dan industri asas tani. Akta MARDI 1969 telah membawa kepada penubuhan MARDI pada 28 Oktober 1969. MARDI telah beroperasi sepenuhnya pada tahun 1971.

VISI

- Penjana terulung teknologi inovatif untuk kelestarian dan daya saing industri pertanian menjelang 2030.

MISI

- Memacu produktiviti dan kelestarian pertanian melalui penjanaan dan pemindahan teknologi moden, cekap dan kos efektif
- Memperkukuh sumber kewangan, kompetensi, fasiliti dan infrastruktur bagi tujuan penyelidikan dan pembangunan
- Meningkatkan visibiliti dan tadbir urus yang baik melalui pengurusan yang berkesan, cekap, telus dan akauntabiliti

MATLAMAT

- Membangunkan teknologi yang bersesuaian dan moden
- Menyebar luas maklumat saintifik dan memindahkan teknologi
- Memulihara dan menggunakan secara lestari biodiversiti pertanian
- Melahirkan usahawan yang berjaya
- Memupuk budaya saintifik dan beretika

TERAS

- Peningkatan produktiviti dalam subsektor tanaman, makanan dan ternakan melalui penyelidikan inovasi
- Penjanaan dan guna pakai teknologi baru atau moden bagi mentransformasi sektor pertanian dan industri makanan ke arah lebih kompetitif dan lestari.
- Penerokaan, pemuliharaan & penggunaan biodiversiti dan sumber asli untuk kelestarian pertanian serta penjanaan kekayaan baru.
- Pengukuhan penyebaran, pemindahan dan aplikasi teknologi MARDI kepada kumpulan sasaran
- Pemerkasaan visibiliti dan tadbir urus organisasi



FUNGSI

Sepertimana yang diperuntukkan di bawah Akta 11, MARDI diberi mandat untuk melaksanakan fungsi berikut:

1. Menjalankan penyelidikan dari segi sains, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan;
 - i. Pengeluaran, penggunaan dan pemprosesan segala tanaman (kecuali getah, kelapa sawit dan koko), ternakan dan makanan
 - ii. Perladangan campuran
2. Berkhidmat sebagai pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat dan nasihat berkenaan dengan perkara saintifik, teknikal dan ekonomi yang berkaitan dengan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani. Fungsi ini dilakukan melalui pelbagai kaedah termasuk penerbitan laporan, terbitan berkala dan kertas kerja berhubung dengannya serta mengelolakan pameran, persidangan, syarahan dan seminar.
3. Menjadi pusat yang memberikan perkhidmatan pakar dalam industri makanan dan pertanian serta industri asas tani seperti perkhidmatan perundingan, makmal analisis, jaminan kualiti serta R&D kontrak.
4. Memberi pelbagai jenis latihan untuk memajukan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani.
5. Memberi bantuan untuk R&D dalam bidang sains tulen, sains gunaan, teknikal dan ekonomi berkenaan dengan industri pertanian.
6. Mengekalkan hubungan dengan organisasi awam atau swasta dalam dan luar negara yang terlibat dalam penyelidikan saintifik, teknikal, ekonomi dan sosial berkenaan dengan industri makanan dan pertanian serta industri asas tani.
7. Menjalankan penyelidikan dan pengeluaran berbentuk komersial.
8. Membangun, mempromosi dan mengeksploitasi penemuan penyelidikan.
9. Memberi perkhidmatan pengembangan kepada industri makanan dan pertanian serta industri asas tani.

Peranan MARDI telah berkembang daripada pembangunan keupayaan, penubuhan sistem penanaman dan perladangan ke arah pengkomersialan teknologi, pengurusan kualiti menyeluruh dan budaya kecemerlangan bagi mencapai pengiktirafan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

SOROTAN UTAMA

PELAN RISIKO ANTIRASUAH (PERANTI) MARDI 2021 – 2025

PERANTI MARDI 2021 – 2025 dilancarkan pada 15 Mac 2021 oleh Tan Sri Abu Kassim bin Mohamed, Mantan Ketua Pengarah Pusat Governans Integriti dan Antirasuah (GIACC) dengan penekanan terhadap 60 inisiatif utama.

Semakan semula PERANTI MARDI 2021 – 2025 telah dilaksanakan pada 18 Januari 2023 bagi mengukur keberkesanan dan kebolehlaksanaan inisiatif. Mesyuarat Jawatankuasa Anti Rasuah (JAR) MARDI Bilangan 1 Tahun 2023 bertarikh 28 Februari 2023 telah meluluskan pindaan daripada 60 inisiatif asal kepada 48 inisiatif.

MARDI telah mencapai 100% pelaksanaan inisiatif PERANTI MARDI 2021 – 2025 sepertimana kelulusan dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola MARDI (LPM) Bilangan 2 Tahun 2025 pada 19 Jun 2025 dan pemakluman dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) MARDI Bilangan 2 Tahun 2025 pada 23 Jun 2025.

PELANCARAN PERANTI MARDI 2021 – 2025 | 15 Mac 2021



SEMAKAN SEMULA PERANTI MARDI 2021 – 2025 | 18 Januari 2023



PRESTASI PERANTI MARDI 2021 – 2025 | 19 Jun 2025



SEPINTAS LALU

PELAN RISIKO ANTIRASUAH (PERANTI) MARDI 2021 – 2025

Sahabat Integriti (SI) dilantik berkuat kuasa pada 1 Jun 2022 serta semua Sahabat Integriti diperkasakan melalui Kursus Pendedahan dan Majlis Ikrar Bebas Rasuah oleh SPRM pada 15 Julai 2022 yang diketuai oleh Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI.

Buku Peraturan Kewangan MARDI Edisi Ke-6 telah ditambah baik dan berkuat kuasa pada 4 Disember 2022 mengandungi prosedur pengurusan kewangan yang menyeluruh sebagai garis panduan dalam pelaksanaan pengurusan kewangan yang efektif.

Sekitar Mesyuarat Pemantauan dan Penilaian Rancangan Operasi Korporat (COP) MARDI 2023 yang dipengerusikan oleh Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani, Ketua Pengarah MARDI bagi memantau pencapaian KPI MARDI 2023.

INISIATIF: MEWUJUDKAN SAHABAT INTEGRITI DI SETIAP PUSAT TANGGUNGJAWAB (PTJ) | 15 Julai 2022



INISIATIF: MENYEMAK SEMULA, MENAMBAH BAIK DAN MENGUATKUASAKAN PERATURAN KEWANGAN MARDI SELARAS DENGAN ARAHAN PERBENDAHARAAN DAN PEKELILING PEKELILING YANG BERKUAT KUASA SECARA BERTERUSAN | 4 Disember 2022




INISIATIF: MENGUKUHKAN SERTA MEMANTAPKAN MEKANISME PEMANTAUAN TERHADAP PROJEK PENYELIDIKAN DI SETIAP PERINGKAT SECARA BERTERUSAN | 7 Februari 2023




Pusat Audit Dalam (IA) telah membangunkan satu sistem *Electronic Follow Up Audit System* (e-FAS) versi 2.0 pada 1 Mac 2024 bertujuan untuk membolehkan setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) mengakses penemuan audit dan seterusnya memberikan maklum balas.

INISIATIF: MEMPERKENALKAN MEKANISME PENGAUDITAN SECARA PENDIGITALAN BAGI SEMUA OPERASI DAN PROSES YANG BERKAITAN DI INSTITUT | 1 Mac 2024



Bengkel Strategi Penulisan dan Penerbitan Buku *Bestseller* MARDI telah dilaksanakan pada 22 – 23 Julai 2024 yang disampaikan oleh Tuan Faizul Naim bin Ishak dan Puan Mazniza binti Mohd Nor iaitu penulis dan perunding bertauliah di Taman Agro Teknologi MARDI Langkawi.

INISIATIF: MENYEDIAKAN LATIHAN/BENGKEL/ KURSUS ETIKA PENULISAN KEPADA PEGAWAI SECARA BERTERUSAN | 22 - 23 Julai 2024



Majlis Pentauliah Rakan Pembimbing (AKRAB) yang baharu disempurnakan oleh Dato' Dr. Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani di dalam Majlis Amanat Ketua Pengarah MARDI 2025 yang berlangsung pada 7 Januari 2025.


INISIATIF: MEMPERKASAKAN PROGRAM KAUNSELING DAN PSIKOLOGI RAKAN PEMBIMBING (AKRAB) | 7 Januari 2025



KESAN PELAN RISIKO ANTIRASUAH (PERANTI) MARDI 2021 – 2025

KESAN KE ATAS ADUAN


Berdasarkan rekod, jumlah aduan integriti dari tahun 2021 hingga 2025 menunjukkan trend peningkatan setiap tahun kecuali bagi tahun 2025 berlaku penurunan yang ketara.



Sumber: Pangkalan Data Aduan/Pengesanan dan Pengesanan Unit Integriti MARDI

KESAN KE ATAS PELANGGARAN


Dari tahun 2021 hingga 2025, jumlah pegawai yang diuruskan untuk prosiding tatatertib menunjukkan trend peningkatan dan penurunan. Pada tahun 2021, seramai 19 orang pegawai telah diuruskan untuk tindakan tatatertib, menurun kepada 15 orang pegawai pada tahun 2022 dan meningkat kepada 26 orang pegawai pada tahun 2023, seterusnya menurun kepada 19 orang pegawai pada tahun 2024 dan meningkat semula kepada 36 orang pegawai pada tahun 2025. Pecahan jenis pelanggaran tatakelakuan yang diuruskan ke prosiding tatatertib adalah seperti berikut:



Sumber: Pangkalan Data Tatatertib Unit Integriti MARDI

KESAN KE ATAS HUKUMAN TATATERTIB

Kes yang diuruskan di bawah prosiding tatatertib dengan tujuan buang kerja atau turun pangkat tidak semestinya membawa kepada hukuman Buang Kerja. Jawatankuasa Tatatertib boleh mempertimbangkan hukuman lain selain Buang Kerja iaitu - Amaran, Denda, Lucut Hak Emolumen, Tangguh Pergerakan Gaji, Turun Gaji atau Turun Pangkat bergantung kepada merit sesuatu kes tersebut. Pecahan jenis hukuman Tatatertib adalah seperti berikut:




Sumber: Pangkalan Data Tatatertib Unit Integriti MARDI

KESAN KE ATAS PENEMUAN AUDIT

Penemuan audit daripada Pusat Audit Dalam menunjukkan trend yang meningkat berdasarkan Laporan Audit Mengejut Tahun 2021 sehingga 2025. Audit Mengejut yang dilaksanakan bertujuan untuk menentukan wang dan harta benda serta barangan berharga di bawah seliaan diakaunkan dengan betul dan tepat.

Trend Penemuan Audit bagi Tempoh 5 Tahun



Sumber: Laporan Audit Mengejut Pusat Audit Dalam 2021 – 2025

KESAN KE ATAS PERUNTUKAN KEWANGAN

Trend penerimaan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan menunjukkan peningkatan bagi tempoh lima tahun menunjukkan akauntabiliti MARDI dalam Pengurusan Kewangan kepada Kementerian Kewangan (MOF) dan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) untuk menguruskan kewangan dengan teratur dan berkesan.

Trend Peruntukan Mengurus dan Pembangunan Bagi Tempoh 5 Tahun



Sumber: Geran Mengurus dan Pembangunan daripada Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM)



**“ Integriti tidak
menjanjikan
kemewahan, tetapi
memberi ketenangan ”**

KEPERLUAN PEMBANGUNAN

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2019: Pelaksanaan Pelan Antirasuah Nasional, Perenggan 6.4.2 berkaitan Semakan Semula dan Pembaharuan OACP menyatakan bahawa tindakan pembaharuan OACP hendaklah dilaksanakan pada akhir tempoh pelan (3 tahun/5 tahun) dan hendaklah dikeluarkan pada tahun berikutnya.

Strategi 2: Kebertanggungjawaban Awam, Substrategi 18 Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) iaitu “mewajibkan sektor awam membangunkan Langkah Pelan Pencegahan Rasuah Organisasi berdasarkan Penilaian Risiko Rasuah dengan bantuan SPRM”.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN (KPKM)

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat Kementerian Pertanian Dan Keterjaminan Makanan (KPKM) Siri 4 Bilangan 1 Tahun 2025 bertarikh 6 Mac 2025, mewajibkan Agensi di bawah KPKM termasuk MARDI mengemukakan perancangan baharu bagi menggantikan PERANTI MARDI 2021 – 2025 yang akan berakhir pada 31 Disember 2025.

ARAHAN YAB PERDANA MENTERI NO.1 TAHUN 2019 | 30 April 2019



STRATEGI PEMBANTERASAN RASUAH NASIONAL (NACS) 2024 - 2028 | 7 Mei 2024



JAWATANKUASA TATAKELOLA (JTK) PERINGKAT MARDI

Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat MARDI Bilangan 2 Tahun 2025 bertarikh 23 Jun 2025 bersetuju untuk membangunkan STAR MARDI 2026 – 2030.

INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM)

STAR MARDI 2026 – 2030 dibangunkan dengan mendapatkan khidmat nasihat daripada Institut Integriti Malaysia (IIM). Ruang lingkup STAR merangkumi aspek tadbir urus, integriti dan antirasuah dalam MARDI serta melibatkan semua bidang dan aktiviti yang ada.

KELULUSAN RIsIKO DAN INISIATIF

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 - 2030

Semua risiko dan inisiatif STAR MARDI 2026 - 2030 telah diperakukan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Korporat MARDI (JPKM) Bilangan 11 Tahun 2025 pada 27 November 2025 dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengelola MARDI (LPM) Ke-259, Bilangan 4 Tahun 2025 pada 19 Disember 2025.

PERBINCANGAN LANJUT DENGAN INSTITUT INTEGRITI MALAYSIA (IIM) | 18 September 2025



ISU DAN CABARAN

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Buku Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS) 2024 – 2028 menyatakan rasuah di Malaysia masih di tahap yang membimbangkan berdasarkan sumber daripada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) berkenaan Kajian Pembangunan Strategi Pembanterasan Rasuah Nasional (NACS): Pandangan dan Pengalaman Terhadap Isu Berkaitan Rasuah, Integriti dan Tatakelola di Malaysia: Kaji Selidik Nasional 2023.

“Pada tahun 2018, lebih kurang satu pertiga daripada rakyat Malaysia (33%) menganggap rasuah sebagai isu penting negara. Persepsi ini menekankan wujudnya cabaran besar serta adanya keperluan mendesak untuk meningkatkan usaha menangani rasuah secara menyeluruh dan memulihkan keyakinan masyarakat terhadap institusi Kerajaan.”

“Pada 2023, dapatan daripada satu kaji selidik komprehensif di seluruh negara mendedahkan 41% daripada responden sangat setuju bahawa rasuah di Malaysia masih sangat membimbangkan sementara 1 daripada 4 rakyat Malaysia setuju bahawa rasuah sudah bertambah buruk dalam tempoh setahun.”

“Keseluruhannya, lebih mengejutkan, lebih dua pertiga (67%) daripada rakyat Malaysia percaya bahawa rasuah sudah meningkat berbanding dengan tahun sebelumnya.”

Kajian juga mendapati Sektor Awam memperoleh keputusan persepsi sektor yang dianggap mempunyai isu rasuah yang tertinggi berbanding dengan Sektor Swasta dan Non-Government Organisation (NGO).

Skor sasaran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia pula menunjukkan trend penurunan pada tahun 2019 dan trend yang meningkat pada 2022 dan 2023.

“Selain itu, masih ada perasaan curiga yang ketara dalam kalangan rakyat Malaysia mengenai penglibatan pelbagai pihak dalam kegiatan rasuah. Lebih daripada separuh warga Malaysia percaya bahawa sektor awam, sektor swasta dan badan bukan Kerajaan (NGO) terlibat dalam amalan rasuah. Persepsi umum ini menekankan kebimbangan yang meluas mengenai rasuah di pelbagai sektor masyarakat. Ia juga menekankan keperluan mendesak untuk langkah pencegahan rasuah yang teguh bagi menangani cabaran-cabaran ini dengan berkesan.”

“Persepsi rasuah di Malaysia telah menunjukkan satu trend yang membimbangkan sepanjang tempoh Pelan Antirasuah Nasional (NACP) antara tahun 2019 hingga 2023. Menurut Indeks Persepsi Rasuah (CPI), skor Malaysia menurun dari 53 daripada 100 pada 2019 kepada 50 daripada 100 pada 2023. Pada masa sama, kedudukan global Malaysia merosot dari 51 daripada 180 negara kepada 57 ada tempoh yang sama, iaitu meleset daripada sasaran Kerajaan untuk mencapai kedudukan 30 menjelang 2025 dan 25 menjelang 2030.”

“Di sebalik semua cabaran ini, ada sedikit peningkatan pada skor dan kedudukan CPI dari 2022 hingga 2023. Meskipun penambahbaikan ini adalah satu perkembangan yang positif, ia menunjukkan perlunya usaha berterusan untuk memerangi rasuah secara berkesan serta memulihkan keyakinan masyarakat kepada institusi Kerajaan.”

Manakala isu di MARDI pula menunjukkan trend peningkatan kes diuruskan secara tatatertib dari tahun 2021 sehingga November 2025. Bilangan kes tatatertib yang tinggi ini bukanlah menunjukkan bahawa MARDI adalah sebuah organisasi yang bermasalah, bahkan mencerminkan kesungguhan MARDI membanteras salah laku jenayah, pelanggaran tatakelakuan atau etika organisasi dalam kalangan pegawainya

secara cekap, adil dan telus berlandaskan undang-undang dan peraturan yang berkuat kuasa dan secara tidak langsung dapat memberi pengajaran kepada warga MARDI yang lain. Integriti bukan sahaja tanggungjawab Unit Integriti, tetapi adalah amanah setiap daripada Pegawai MARDI.

Di antara cabaran MARDI di dalam membasmi rasuah, pelanggaran integriti dan tatakelola adalah disebabkan beberapa faktor seperti berikut:

Sikap dan peribadi individu

- Kurang disiplin
- Kehilangan sifat jujur dan amanah
- Dikuasai oleh hawa nafsu dan mudah terpengaruh oleh ganjaran
- Keperibadian yang lemah

- Gaji yang tidak setimpal dengan gaya hidup
- Masalah keluarga
- Tekanan hidup

Faktor ekonomi dan sosial

Faktor persekitaran dan organisasi

- Pengaruh dari rakan sekerja atau pihak luar
- Kelemahan dalam sistem dan prosedur organisasi yang memberi ruang untuk dieksploitasi
- Ketamakan yang mendorong individu untuk mengambil kesempatan atas kelemahan orang lain

Berdasarkan faktor di atas, sukar untuk pihak MARDI mengukur dan membuat penilaian bagi mengurangkan risiko rasuah, pelanggaran integriti dan tatakelola.

Oleh itu, MARDI telah melaksanakan Penilaian Risiko Rasuah/*Corruption Risk Analysis* (CRA) bagi mengenal pasti risiko berkaitan tadbir urus, integriti dan rasuah yang mungkin menjejaskan operasi dan imej organisasi.

Berdasarkan CRA yang telah dijalankan, enam bidang keutamaan telah dikenalpasti iaitu Penyelidikan, Pemindahan Teknologi, Kewangan, Tadbir Urus, Pentadbiran dan Sumber Manusia.



BIDANG BERISIKO

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

BIDANG KEUTAMAAN: PENYELIDIKAN

Penyelidikan merujuk kepada semua aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan bertujuan untuk menyokong Dasar Agromakanan Negara serta dasar dan inisiatif agropertanian berkaitan. Aktiviti penyelidikan MARDI melibatkan bidang padi dan beras; hortikultur; tanaman industri; sains ternakan; sains dan teknologi makanan; sains tanah, air dan baja; agrobiodiversiti dan persekitaran; kejuruteraan; bioteknologi dan nanoteknologi dan sosioekonomi, risikan pasaran dan agribisnes.

Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada hasil penyelidikan, dapatan data penyelidikan dan maklumat serta deklarasi penerbitan.

BIDANG KEUTAMAAN: PEMINDAHAN TEKNOLOGI

Pemindahan teknologi merujuk kepada semua aktiviti pemindahan teknologi yang dilaksanakan secara pengkomersialan dan kegunaan umum. Aktiviti pemindahan teknologi melibatkan urusan pemindahan teknologi dan pembangunan usahawan; dan pengkomersialan teknologi dan bisnes.

Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada pemindahan teknologi dan aktiviti pengembangan, khidmat nasihat yang melibatkan pemberian geran dan perkhidmatan lain.

BIDANG KEUTAMAAN: KEWANGAN

Kewangan melibatkan proses kerja pengurusan belanjawan, pengurusan perolehan, pengurusan perakaunan dan pengurusan aset sepertimana dinyatakan dalam Peraturan Kewangan MARDI dan mana-mana garis panduan atau pekeliling berkaitan pengurusan kewangan yang sedang berkuat kuasa.

Fokus keutamaan kewangan adalah untuk memastikan pematuhan penuh warga MARDI terhadap Peraturan Kewangan MARDI serta semua garis panduan dan pekeliling berkaitan.



BIDANG KEUTAMAAN: TADBIR URUS

Tadbir Urus merujuk kepada aspek dan tatacara pengurusan di semua peringkat dalam melaksanakan tanggungjawab dari segi struktur termasuk budaya kerja, dasar, strategi serta tatacara berurusan dengan pelbagai pihak yang berkepentingan.

Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada pencegahan penyalahgunaan kuasa, pengurusan anak syarikat milik MARDI, pengurusan maklumat terperinci, tatacara kerja dan kaedah komunikasi yang sewajarnya.

BIDANG KEUTAMAAN: PENTADBIRAN

Pentadbiran merujuk kepada fungsi pengurusan yang terdapat dalam sesuatu Pusat Tanggungjawab demi mencapai sesuatu tujuan atau pematuhan kepada mana-mana peraturan, garis panduan atau pekeliling yang sedang berkuat kuasa. Aktiviti pentadbiran antaranya melibatkan urusan berkaitan kewangan, pengurusan sumber manusia, pengurusan sumber maklumat, keselamatan dan lain-lain aktiviti pentadbiran.

Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada hal-hal pentadbiran berkaitan pengurusan kenderaan, pengurusan stor, pengurusan aset, pengurusan teknologi maklumat, sistem penyampaian maklumat dan sistem kawalan keselamatan.

BIDANG KEUTAMAAN: SUMBER MANUSIA

Pembangunan kapasiti sumber manusia merangkumi satu usaha untuk melatih dan membimbing sumber manusia dengan tujuan untuk mencapai tahap kecekapan dan kepakaran serta mempunyai kemahiran bagi disumbangkan kepada organisasi semula. Ia merupakan usaha pengurusan yang bersistematik bagi memastikan kehendak MARDI dapat dicapai.

Fokus bidang keutamaan ini adalah kepada modal insan yang berketerampilan, persekitaran kerja yang harmoni, kepatuhan kepada peraturan dan penekanan kepada budaya kerja berintegriti.





02

-
- Analisis Kuadran
 - Kerangka Pelan Antirasuah Organisasi
 - Strategi dan Inisiatif STAR MARDI 2026 – 2030

02

PENGUKUHAN ASPEK TATAKELOLA, INTEGRITI DAN ANTIRASUAH

ANALISIS KUADRAN

Berdasarkan Penilaian Risiko Rasuah (CRA) yang dilaksanakan ke atas aktiviti utama MARDI sebanyak 64 inisiatif telah dicadangkan untuk menangani risiko sederhana, signifikan dan tinggi. Tahap kompleksiti (kesukaran dan kerumitan dalam pelaksanaan sesuatu inisiatif) dan impak (kesan atau hasil positif yang dicapai melalui pelaksanaan sesuatu inisiatif) ditentukan bagi kesemua 64 inisiatif bagi memberi fokus kepada MARDI untuk melaksanakan inisiatif yang lebih mudah dan memberi impak terlebih dahulu dan seterusnya seperti ilustrasi yang dipaparkan.

KUADRAN **A**

IMPAK TINGGI
KOMPLEKSITI RENDAH

KUADRAN **B**

IMPAK TINGGI
KOMPLEKSITI TINGGI

KUADRAN **C**

IMPAK RENDAH
KOMPLEKSITI RENDAH

KUADRAN **D**

IMPAK RENDAH
KOMPLEKSITI TINGGI



KERANGKA STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

VISI

- MARDI berintegriti dan bebas rasuah berlandaskan tadbir urus terbaik

MISI

- Membudayakan integriti dan tadbir urus terbaik demi kecemerlangan penyelidikan dan pembangunan pertanian MARDI
- Mengukuhkan peranan MARDI sebagai pemacu penyelidikan dan pembangunan pertanian yang telus dan bebas rasuah

MATLAMAT

- Meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkesan selaras dengan fungsi MARDI di bawah Akta Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia 1969 (Akta 11)
- Memperkukuhkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi membanteras rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan dalam kalangan warga MARDI
- Memantapkan profesionalisme, akauntabiliti dan nilai murni warga MARDI

BIDANG KEUTAMAAN

- Penyelidikan
- Tadbir Urus
- Pemindahan teknologi
- Pentadbiran
- Kewangan
- Sumber Manusia

STRATEGI

- Melahirkan penyelidik berkompeten dan berintegriti
- Meningkatkan ketelusan pemindahan teknologi MARDI
- Memantapkan akauntabiliti pengurusan kewangan MARDI
- Memantapkan keberkesanan tadbir urus MARDI ke arah pengawalseliaan yang telus dan berkesan
- Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalaman MARDI
- Memperkasakan perancangan dan pembangunan sumber manusia MARDI

RINGKASAN INISIATIF

Bagi mencapai Visi dan Misi STAR MARDI, sebanyak 64 inisiatif telah dirancang yang merangkumi 6 Strategi dan 11 Objektif Strategik. 38 daripada inisiatif adalah berjangka masa pendek iaitu 1 – 2 tahun, manakala baki sebanyak 26 inisiatif adalah berjangka masa panjang iaitu 3 – 5 tahun pelaksanaan.



KEUTAMAAN STRATEGI

Penekanan 64 Inisiatif di Kuadran A dan B seterusnya inisiatif di Kuadran C.

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
1.	Menambah Baik Buku Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan dan Pembangunan MARDI	A	1
2.	Menambah Baik Proses Semakan Kertas Cadangan Projek Penyelidikan melalui <i>Proposal Management Information System</i> (PROMIS) dan Menjemput Panel Penilai Khas semasa Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (JPPI)	A	1
3.	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	A	2
4.	Menambah Baik Sistem <i>Laboratory Information Management System</i> (LIMS)	A	2
5.	Menambah Baik Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlindungan Harta Intelek melalui Penggunaan Digital (e-mel)	A	2
6.	Menambahbaik Garis Panduan Pelesenan Teknologi dibawah Terma Rujukan Jawatankuasa Pemindahan Teknologi (JPT)	A	2
7.	Mewujudkan Garis Panduan Usahawan Pengeluar Benih Varieti MARDI	A	2
8.	Membangunkan Sistem Pengurusan Usahawan Bimbingan MARDI Secara Digital	A	2
9.	Menambah Baik Terma Rujukan Jawatankuasa Projek Perintis dalam Pemilihan Penerima dan Penyerahan Bahan Tanaman	A	2
10.	Mewujudkan Jawatankuasa Pelulus Perancangan/ Perolehan Projek	A	3
11.	Menambah Baik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	A	3
12.	Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	A	3
13.	Membangunkan Sistem Maklumat Kewangan Secara Digital dan Automasi untuk Pengurusan Kuasa Tandatangan (e-Signatory)	A	3

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
14.	Membangunkan Sistem Maklumat Kewangan Secara Digital dan Automasi untuk Pengurusan Pendahuluan (e-Advance)	A	3
15.	Mewujudkan Garis Panduan dan Manual Pengguna bagi Terimaan Sistem e-Perolehan	A	3
16.	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	A	3
17.	Mewujudkan Garis Panduan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MARDI Yang Seragam	A	3
18.	Menubuhkan Pasukan Khas dan Membangunkan Terma Rujukan bagi Penyediaan Dokumen dan Semakan Peraturan Dana Antarabangsa	A	3
19.	Menambah Baik Kriteria Pemilihan Anugerah Pengurusan Dana yang Dilaksanakan Secara Tahunan	A	3
20.	Melaksanakan Pemeriksaan Mengejut oleh Penyelia ke Lokasi Kerja Terlibat dan Membuat Pelaporan Bertulis	A	3
21.	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pematuhan Dalaman MARDI	A	4
22.	Melaksanakan Kajian Impak Keberkesanan Program Pengukuhan yang Telah Dilaksanakan oleh Unit Integriti ke atas Pegawai Institut	A	4
23.	Menambah Baik Manual Audit Dalam Edisi Ketiga dengan Penambahan Inisiatif	A	4
24.	Mewajibkan Penggunaan Borang Akuan Kerahsiaan bagi Tujuan Mengendalikan Dokumen Terperingkat	A	4
25.	Membangunkan Templat Soalan dan Jawapan Parlimen dalam Sistem <i>Governance and Legal Archive Data System</i> (GLADS)	A	4
26.	Mewujudkan Pelan Mitigasi Media	A	4
27.	Melaksanakan/Menghadiri Kursus Pengurusan Media Strategik dalam Menguruskan Media dan Naratif Awam Terhadap Institut	A	4
28.	Menambah Baik Garis Panduan Etika Penggunaan Media Sosial MARDI	A	4

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
29.	Melaksanakan Kursus Komunikasi Diplomatik, Protokol Antarabangsa, Etika Budaya dan Tatacara Majlis Rasmi	A	4
30.	Menambah Baik Tatacara Pelaksanaan Kerjasama Strategik Antara Jabatan/ Agensi Luar	A	4
31.	Melaksanakan Seminar Pemantapan Pengurusan Aset Alih kepada Pegawai Aset	A	5
32.	Menambah Baik Peraturan Kewangan MARDI Edisi ke-7 Pengurusan Aset Tak Alih	A	5
33.	Membangunkan Pelan Induk Guna Tanah MARDI 2025 – 2035	A	5
34.	Melaksanakan Kursus dan Bengkel Pengenalan Tatacara Pengurusan Sewaan kepada Golongan Sasar	A	5
35.	Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengendalian Rahsia Rasmi Kerajaan di MARDI	A	5
36.	Melaksanakan Latihan Pengurusan Rahsia Rasmi kepada Pegawai Pengelas	A	5
37.	Mewujudkan Jadual Pelupusan Rekod yang diperakukan oleh Arkib Negara	A	5
38.	Mewujudkan Prosedur Pemasangan Perisian hanya melalui Pentadbir Sistem ICT Sah	A	5
39.	Membangunkan Sistem Maklum Balas Pelanggan MARDI Secara Digital	A	5
40.	Mewujudkan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Pusat Bertauliah MARDI dan Kompleks Latihan MARDI	A	5
41.	Menambah Baik Tatacara/Penyediaan Format Pelaporan Yang Seragam Dan Tersusun Bagi Laporan Cadangan Teknikal Dan Kos Termasuk Mewujudkan 'Perakuan Benar' Oleh Penyedia Laporan Dari Setiap Bidang Kepakaran Pada Akhir Setiap Dokumen Pelaporan	A	5
42.	Menambah Baik Modul Pengurusan Kenaikan Pangkat dalam Sistem INTEAM 2.0	A	6
43.	Menambah Baik Garis Panduan Kenaikan Pangkat	A	6

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
44.	Mewujudkan Garis Panduan Rakan Pembimbing Perkhidmatan Awam (AKRAB) MARDI	A	6
45.	Melaksanakan Sistem Digital bagi Semakan Dokumen, Kelulusan Elektronik dan Pemantauan Projek Antarabangsa di dalam Sistem <i>Proposal Management Information System</i> (PROMIS)	B	1
46.	Menambah Baik Sistem Pemantauan Rancangan Operasi Korporat MARDI (PROPER) dengan Pelaksanaan Pelaporan Secara Digital Sepenuhnya	B	1
47.	Mewujudkan Pasukan Komunikasi Siber untuk Mengawal, Memantau dan Mempengaruhi Komunikasi dalam Ruang Media Digital	B	4
48.	Membangunkan Sistem Maklumat Integriti dan Tatatertib (SMIT)	B	4
49.	Membangunkan <i>Electronic Quality Management System</i> (EQMS) 2.0 bagi Meningkatkan Kecekapan Proses Dokumentasi MS 9001	B	4
50.	Menambah Baik "Dashboard Analitik Sumber Manusia" bagi Pemantauan Integriti Data	B	5
51.	Melaksanakan Digital Document <i>Management System</i> (DDMS) 2.0 di Ibu Pejabat MARDI	B	5
52.	Membangunkan Sistem Pemantauan/Pengurusan Projek Aplikasi (Project Dashboard)	B	5
53.	Menambah Baik Dasar ICT 2026 – 2030	B	5
54.	Melaksanakan Kajian, <i>Proof of Concept</i> (POC) dan <i>Pilot Project</i> Sistem Pengesahan ID dan Inventori Perisian ICT Berpusat di Ibu Pejabat dengan Menggunakan <i>Software License Compliance Tool - Microsoft Active Directory/Open Source Domain Controller</i>	B	5
55.	Menambah Baik Sistem Kawalan Palang dan Kawalan Keselamatan Fizikal di MARDI	B	5
56.	Mewujudkan Garis Panduan bagi Menambah Baik Kriteria Pemilihan Pemenang Pertandingan Hari Inovasi MARDI (HIM)	B	5
57.	Membangunkan Modul Pengurusan Pertukaran Pegawai dalam Sistem INTEAM 2.0	B	6

BIL.	INISIATIF	KUADRAN	STRATEGI
58.	Menambah Baik Modul Pengurusan Latihan dalam Sistem INTEAM 2.0	B	6
59.	Membangunkan Modul Pengurusan Peperiksaan dalam Sistem INTEAM 2.0	B	6
60.	Melaksanakan Latihan Kesedaran dan Etika Integriti Data kepada Pegawai yang Mempunyai Akses Data	C	5
61.	Melaksanakan Pengelogan dengan Menyedia, Menyimpan dan Menyemak Aktiviti Pengguna (<i>Firewall Centralised Log Server</i>)	C	5
62.	Melaksanakan Pemantauan Trafik Rangkaian Berterusan dengan Melaksana Semakan Polisi Tapisan Web Setiap Awal Tahun	C	5
63.	Melaksanakan Pengaktifan Log Jejak Audit di Pelayan Pangkalan Data	C	5
64.	Melaksanakan Kajian Pasaran dan Membuat Lawatan Tapak untuk Mengenal Pasti Potensi Terhadap Aktiviti Pemasaran dan Promosi Penerbit MARDI	C	5



PELAN TINDAKAN BAGI SETIAP BIDANG KEUTAMAAN

BIDANG KEUTAMAAN 1

Penyelidikan

STRATEGI 1

Melahirkan penyelidik
berkompeten dan berintegriti

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

Memperkuh kompetensi
dan integriti dalam tadbir
urus penyelidikan

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai gagal menyampaikan dan menghebahkan dasar dan garis panduan penyelidikan dan pembangunan MARDI	Menambah Baik Buku Dasar dan Garis Panduan Penyelidikan dan Pembangunan MARDI	Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI)	1 Tahun (2026)
2.	Pegawai gagal menyemak borang permohonan projek dengan teliti bagi menepati keperluan pemberi dana	Menambah Baik Proses Semakan Kertas Cadangan Projek Penyelidikan Melalui <i>Proposal Management Information System</i> (PROMIS) dan Menjemput Panel Penilai Khas Semasa Mesyuarat JPPI	Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI)	1 Tahun (2026)
3.	Pegawai gagal menguruskan dan merekodkan laporan penyelidikan dengan lengkap	Menambah Baik Sistem PROPER dengan Pelaksanaan Pelaporan Secara Digital Sepenuhnya	Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 – 2030)
4.	Pegawai gagal mengikut tempoh pelaksanaan projek penyelidikan yang telah ditetapkan oleh agensi luar	Melaksanakan Sistem Digital bagi Semakan Dokumen, Kelulusan Elektronik dan Pemantauan Projek Antarabangsa di dalam Sistem PROMIS	Pusat Komunikasi Korporat (CC) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2029)

BIDANG KEUTAMAAN 2

Pemindahan Teknologi

STRATEGI 2

Meningkatkan ketelusan pemindahan teknologi MARDI

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan pemindahan teknologi MARDI yang telus dan berstruktur

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai menerima wang, hadiah atau faedah lain sebagai balasan memberi keutamaan atau meluluskan bantuan/ perkhidmatan tertentu	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
2.	Pegawai gagal menguruskan permohonan harta intelek dalam tempoh masa yang diberikan	Menambah Baik Prosedur Operasi Standard (SOP) Perlindungan Harta Intelek melalui Penggunaan Digital (e-mel)	Pusat Pengkomersialan Teknologi & Bisnes (CB)	2 tahun (2026 – 2027)
3.	Pegawai membocorkan maklumat nilai teknologi dan maklumat teknikal berkaitan teknologi kepada pihak luar	Menambah Baik Garis Panduan Pelesenan Teknologi dibawah Terma Rujukan Jawatankuasa Pemindahan Teknologi (JPT)	Pusat Pengkomersialan Teknologi & Bisnes (CB)	2 tahun (2026 – 2027)
4.	Pegawai menerima rasuah dalam pemilihan syarikat komersial			
5.	Pegawai menerima rasuah dari syarikat luar agar rundingan harga teknologi MARDI diberikan kepada syarikatnya			
6.	Pegawai memilih usahawan pengeluar benih yang tidak berkelayakan	Mewujudkan Garis Panduan Usahawan Pengeluar Benih Varieti MARDI	Pusat Pengkomersialan Teknologi & Bisnes (CB)	2 tahun (2026 – 2027)

BIDANG KEUTAMAAN 2

Pemindahan Teknologi

STRATEGI 2

Meningkatkan ketelusan pemindahan teknologi

OBJEKTIF STRATEGIK 2.2

Meningkatkan ketelusan tadbir urus dalam pengurusan pemindahan teknologi MARDI

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai memalsukan laporan kemajuan dan/atau bukti aktiviti untuk melengkapkan KPI	Membangunkan Sistem Pengurusan Usahawan Bimbingan MARDI Secara Digital	Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan Usahawan (TE) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	2 Tahun (2026 – 2027)
2.	Pegawai menyalahguna kuasa dalam pemilihan penerima bahan tanaman	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
		Menambah baik Terma Rujukan Jawatankuasa Projek Perintis dalam Pemilihan Penerima dan Penyerahan Bahan Tanaman	Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan Usahawan (TE)	1 Tahun (2026)
3.	Pegawai menyalahguna kuasa dengan tidak menyerahkan bahan tanaman mengikut kuantiti dan kualiti yang ditetapkan kepada peserta projek atas kepentingan peribadi.	Menambah Baik Terma Rujukan Jawatankuasa Projek Perintis dalam Pemilihan Penerima dan Penyerahan Bahan Tanaman	Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan Usahawan (TE)	1 Tahun (2026)
4.	Pegawai menyalahguna kuasa bagi mempercepatkan giliran analisis sampel	Menambah Baik <i>Sistem Laboratory Information Management System</i> (LIMS)	Pusat Pengkomersialan Teknologi & Bisnes (CB)	2 tahun (2027 – 2028)
5.	Pegawai menerima rasuah bagi memanipulasi data analisis pelanggan			
6.	Pegawai membocorkan maklumat dan keputusan analisis pelanggan kepada pihak ketiga			

BIDANG KEUTAMAAN 3

Kewangan

STRATEGI 3Memantapkan akauntabiliti
pengurusan kewangan
MARDI**OBJEKTIF STRATEGIK 3.1**Memperkukuhkan tadbir
urus dan akauntabiliti dalam
pengurusan kewangan
MARDI

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai memanipulasikan data/laporan agro pelancongan dan kutipan hasil dana pusingan	Menambah Baik Kriteria Pemilihan Anugerah Pengurusan Dana yang Dilaksanakan Secara Tahunan	Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (AM)	5 Tahun (2026 – 2030)
2.	Kegagalan pegawai melaksanakan pemantauan berkesan terhadap prestasi kerja oleh kontraktor dilantik Institut sehingga berlakunya ketidapatuhan kepada spesifikasi kontrak sedia ada	Melaksanakan Pemeriksaan Mengejut oleh Penyelia ke Lokasi Kerja Terlibat dan Membuat Pelaporan Bertulis	Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (AM)	5 Tahun (2026 – 2030)
3.	Pegawai mengemukakan tuntutan palsu dalam urusan pembelian bahan pertanian	Mewujudkan Garis Panduan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) MARDI yang Seragam	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	3 Tahun (2026 – 2028)
4.	Pegawai gagal mematuhi kepada syarat pembiayaan antarabangsa	Menubuhkan Pasukan Khas dan Membangunkan Terma Rujukan bagi Penyediaan Dokumen dan Semakan Peraturan Dana Antarabangsa	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	5 tahun (2026 – 2030)
5.	Pegawai salah guna kuasa memasukkan projek/ peruntukan yang tidak perlu/ berkepentingan peribadi dalam draf belanjawan	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
6.	Pegawai mempunyai hubungan peribadi atau mendapat insentif (rasuah) daripada syarikat luar untuk meluluskan peruntukan yang seiring dengan kos projek menggunakan teknologi/ produk spesifik syarikat	Mewujudkan Jawatankuasa Pelulus Perancangan/Perolehan Projek	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
7.	Pegawai menerima suapan daripada pembekal bagi mempercepatkan proses pembayaran	Membangunkan Sistem Maklumat Kewangan Secara Digital dan Automasi untuk Pengurusan Pendahuluan (e-Advance)	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2027)
8.	Pegawai menyalahguna kuasa dengan meluluskan bayaran dengan menggunakan peruntukan tanpa mengambilkira skop perbelanjaan yang dibenarkan	Membangunkan Sistem Maklumat Kewangan Secara Digital dan Automasi untuk Pengurusan Kuasa Tandatangan (e-Signatory)	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2026)
9.	Pegawai menyalahguna kuasa untuk tidak merekod hasil MARDI mengikut Peraturan Kewangan MARDI untuk kepentingan peribadi	Mewujudkan Garis Panduan dan Manual Pengguna bagi Terimaan Sistem e-Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 tahun (2026)
10.	Pegawai membuat pakatan bersama pembekal dengan memanipulasi harga bahan tanaman untuk kepentingan peribadi	Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
11.	Pegawai membuat pakatan dengan pembenteng kertas kerja atau penceramah atau tenaga pengajar untuk memanipulasi bayaran elaun/honorarium	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)

BIDANG KEUTAMAAN 3

Kewangan

STRATEGI 3

Memantapkan akauntabiliti pengurusan kewangan MARDI

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

Meningkatkan kecekapan dan pematuhan prosedur perolehan

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai menyalahguna kuasa dalam mempelawa, mengesyor dan melantik pembekal untuk kepentingan diri	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Menambah Baik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
		Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
2.	Pegawai menerima/ meminta suapan daripada pihak pembekal untuk membuat pakatan dalam penyediaan spesifikasi yang memihak kepada pembekal tersebut	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Menambah Baik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
		Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
3.	Pegawai menerima/ meminta suapan untuk menyedia, menyemak dan meluluskan bayaran	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Menambah Baik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
		Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
4.	Pegawai menerima/ meminta suapan bagi memecah kecil perolehan dengan niat untuk mengelakkan perolehan secara sebut harga/tender agar perolehan tersebut dapat diberikan kepada pembekal tertentu	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Menambah Baik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
		Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
5.	Pegawai menyalah guna kuasa untuk memastikan pembekal dilantik untuk perolehan kerja/bekalan/ perkhidmatan kerana menerima suapan atau mempunyai konflik kepentingan	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Menambah Baik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
		Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
6.	Pegawai bertanggungjawab menawar/memberi suapan kepada pihak agensi berkaitan untuk tidak melaporkan sebarang salah laku dan pelanggaran peraturan perolehan yang berkuat kuasa bagi memelihara imej MARDI/ peribadi	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Menambahbaik Skop Pelaksanaan Naziran Perolehan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
		Membangunkan Sistem Perolehan Elektronik bagi Perolehan Pembelian Terus, Sebut Harga dan Tender	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)

BIDANG KEUTAMAAN 4

Tadbir Urus

STRATEGI 4

Memantapkan keberkesanan tadbir urus MARDI ke arah pengawalseliaan yang telus dan berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1

Memperkukuh tadbir urus yang baik serta pemantapan nilai integriti Warga MARDI

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai diprovokasi oleh pihak media bagi mendapatkan liputan negatif dan sensasi	Mewujudkan Pelan Mitigasi Media	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	3 Tahun (2026 – 2028)
		Melaksanakan/Menghadiri Kursus Pengurusan Media Strategik dalam Menguruskan Media dan Naratif Awam Terhadap Institut	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	2 Tahun (2026 – 2027)
2.	Pegawai menyampaikan maklumat atau kenyataan yang tidak selaras dengan dasar rasmi MARDI atau kerajaan semasa menghadiri mesyuarat, persidangan atau temu bual antarabangsa.	Melaksanakan Kursus Komunikasi Diplomatik, Protokol Antarabangsa, Etika Budaya dan Tatacara Majlis Rasmi	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	5 tahun (2026 – 2030)
3.	Pegawai tidak patuh kepada protokol diplomatik, etika antarabangsa atau peraturan acara rasmi.			
4.	Pegawai lewat mengemukakan jawapan Parlimen mengikut tempoh ditetapkan oleh Kementerian	Membangunkan Templat Soalan dan Jawapan Parlimen di dalam Sistem <i>Governance And Legal Archive Data System</i> (GLADS)	Pusat Urus Tadbir & Perundangan (GL)	1 Tahun (2026)

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
5.	Pegawai menyalahguna kuasa memilih/melantik pembentang kertas kerja/penceramah/ tenaga pengajar berdasarkan hubungan peribadi atau pun balasan tertentu	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
6.	Pegawai menggunakan pengaruh luar untuk mempengaruhi keputusan dalam sebarang urusan rasmi			
7.	Pegawai memanipulasi maklumat/laporan hasil pematuhan untuk kepentingan diri atau melindungi pihak tertentu	Mewujudkan Prosedur Operasi Standard (SOP) Pematuhan Dalam MARDI	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
8.	Pegawai masih melakukan pelanggaran tatakelakuan sedangkan program pengukuhan telah dilaksanakan secara berkala	Melaksanakan Kajian Impak Keberkesanan Program Pengukuhan yang Telah Dilaksanakan oleh Unit Integriti ke atas Pegawai Institut	Unit Integriti (IN) dan Pusat Penyelidikan Sosio Ekonomi, Risikan Pasaran & Agribisnes (ES)	1 Tahun (2026)
9.	Pentadbir media sosial memanipulasikan maklumat kepada kumpulan sasar yang mempunyai tahap literasi digital yang rendah dan tidak aktif di media sosial	Mewujudkan Pasukan Komunikasi Siber untuk Mengawal, Memantau dan Mempengaruhi Komunikasi Dalam Ruang Media Digital	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	5 Tahun (2026 – 2030)
10.	Pegawai sengaja melewati penyiaran maklumat atau bahan promosi rasmi	Menambah Baik Garis Panduan Etika Penggunaan Media Sosial MARDI	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	2 Tahun (2026 – 2027)
11.	Pegawai menyalahguna kuasa atau mempunyai konflik kepentingan dalam urusan penyediaan kandungan MoU yang dimeterai antara jabatan/agensi luar	Menambah Baik Tatacara Pelaksanaan Kerjasama Strategik Antara Jabatan/ Agensi Luar	Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan Usahawan (TE)	1 tahun (2026)

BIDANG KEUTAMAAN 4

Tadbir Urus

STRATEGI 4

Memantapkan keberkesanan tadbir urus MARDI ke arah pengawalseliaan yang telus dan berkesan

OBJEKTIF STRATEGIK 4.2

Memastikan ketelusan dan mengukuhkan akauntabiliti dalam pengurusan dokumen MARDI

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai membocorkan maklumat kertas kerja semasa penyediaan dokumen mesyuarat			
2.	Pegawai mendedahkan input kepada pihak ketiga semasa penyediaan input Memorandum Jemaah Menteri (MJM) dan Nota Jemaah Menteri (NJM)	Mewajibkan Penggunaan Borang Akuan Kerahsiaan bagi Tujuan Mengendalikan Dokumen Terperingkat	Pusat Urus Tadbir & Perundangan (GL)	1 Tahun (2026)
3.	Pegawai memanipulasi hasil dapatan/bukti/ penemuan/laporan audit			
4.	Pegawai membuat pakatan dengan auditi untuk tidak memberikan kerjasama/ memanipulasi dokumen pengauditan/ingkar perintah bagi tujuan pengauditan	Menambah Baik Manual Audit Dalam Edisi Ketiga dengan Penambahan Inisiatif	Pusat Audit Dalam (IA)	1 Tahun (2028)
5.	Pegawai menyalahguna kuasa membuat tapisan laporan akhir audit yang akan dibentangkan dalam Jawatankuasa Audit Lembaga MARDI (JALM)			

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
6.	Pegawai memanipulasi keputusan mesyuarat Jawatankuasa Audit Lembaga MARDI (JALM)	Menambahbaik Manual Audit Dalam Edisi Ketiga dengan Penambahan Inisiatif	Pusat Audit Dalam (IA)	1 Tahun (2028)
7.	Pegawai mempunyai konflik kepentingan dengan auditi			
8.	Pegawai menerima sumbangan/hadiah/tajaan dari auditi untuk kepentingan peribadi			
9.	Pegawai atau kakitangan memalsukan rekod atau data	Membangunkan Sistem EQMS 2.0 bagi Meningkatkan Kecekapan Proses Dokumentasi MS 9001	Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	2 tahun (2026 - 2027)
10.	Pegawai menyalahguna kuasa atau mempunyai konflik kepentingan dalam urusan penyediaan kandungan MoU yang dimeterai antara jabatan/agensi luar.	Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
11.	Pegawai membocorkan maklumat perjanjian yang dimeterai antara jabatan/agensi luar yang dikelaskan sebagai "SULIT".	Mewajibkan Penggunaan Borang Akuan Kerahsiaan bagi Tujuan Mengendalikan Dokumen Terperingkat	Pusat Urus Tadbir & Perundangan (GL)	1 Tahun (2026)
		Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
12.	Pegawai membuat kesilapan ke atas semakan rekod aduan, siasatan dan tatatertib	Membangunkan Sistem Maklumat Integriti dan Tatatertib (SMIT)	Unit Integriti (IN) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 - 2030)

BIDANG KEUTAMAAN 5

Pentadbiran

STRATEGI 5

Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalaman MARDI

OBJEKTIF STRATEGIK 5.1

Meningkatkan kecekapan dan akauntabiliti melalui amalan tadbir urus yang baik

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai tidak memberi maklum balas ke atas pertanyaan pelanggan untuk mendapatkan maklumat/perkhidmatan daripada MARDI menerusi pelbagai medium	Membangunkan Sistem Maklum Balas Pelanggan MARDI Secara Digital	Pusat Komunikasi Korporat (CC) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	2 Tahun (2026 – 2027)
2.	Pegawai membuat pakatan dengan penganjur majlis untuk memilih lokasi jualan yang tidak sesuai dan tidak menepati sasaran	Melaksanakan Kajian Pasaran dan Membuat Lawatan Tapak untuk Mengenal Pasti Potensi Terhadap Aktiviti Pemasaran dan Promosi Penerbit MARDI	Pusat Komunikasi Korporat (CC)	2 Tahun (2026 – 2027)
3.	Pegawai tidak telus dalam pemilihan pemenang pertandingan Hari Inovasi MARDI (AIM, MSTE, KIK dan AUM)	Mewujudkan Garis Panduan bagi Menambah Baik Kriteria Pemilihan Pemenang Pertandingan Hari Inovasi MARDI (HIM)	Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI)	3 tahun (2026 – 2028)
4.	Pegawai gagal mengawal dokumen/rekod berkaitan proses	Membangunkan Sistem EQMS 2.0 bagi Meningkatkan Kecekapan Proses Dokumentasi MS 9001	Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	2 tahun (2026 – 2027)
5.	Pegawai menyalah guna akses sistem untuk mengubah maklumat staf secara tidak sah	Menambah Baik “Dashboard Analitik Sumber Manusia” bagi Pemantauan Integriti Data	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
6.	Pegawai memanipulasi atau mengubah maklumat/ dokumen rasmi demi kepentingan pihak tertentu	Melaksanakan Latihan Pengurusan Rahsia Rasmi kepada Pegawai Pengelas	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	5 tahun (2026 – 2030)
		Melaksanakan <i>Digital Document Management System</i> (DDMS) 2.0 di Ibu Pejabat MARDI	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	3 tahun (2026 – 2028)

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
7.	Pegawai cuai dalam mematuhi tatacara pelupusan rekod rasmi kerajaan	Mewujudkan Jadual Pelupusan Rekod yang Diperakukan oleh Arkib Negara	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	1 Tahun (2026)
8.	Pegawai menggunakan kedudukan dan konflik kepentingan untuk mencadangkan sewaan dan pajakan	Mewujudkan Pesanan dan Cakna Kewangan kepada Semua Warga MARDI Secara Berterusan	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	5 Tahun (2026 – 2030)
		Membangunkan Pelan Induk Guna Tanah MARDI 2025 – 2035	Pusat Pengurusan Kewangan (FM) dan Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (AM)	1 tahun (2026)
		Menambah Baik Peraturan Kewangan MARDI Edisi Ke-7 Pengurusan Aset Tak Alih	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
9.	Pegawai tidak menguruskan hasil sewaan dan pajakan dengan teratur	Melaksanakan Kursus dan Bengkel Pengenalan Tatacara Pengurusan Sewaan kepada Golongan Sasar	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 Tahun (2026)
10.	Pegawai menyalahguna kuasa untuk penggunaan aset pusat bertauliah bagi kegunaan peribadi atau kepentingan tertentu (pengaruh luar)	Mewujudkan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Pusat Bertauliah MARDI dan Kompleks Latihan MARDI	Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan Usahawan (TE)	3 tahun (2026 - 2028)
		Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)
11.	Pegawai cuai dalam menguruskan maklumat terperingkat mengikut peringkat keselamatan	Mewujudkan Garis Panduan Pengurusan dan Pengendalian Rahsia Rasmi Kerajaan di MARDI	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	1 tahun (2026)
		Melaksanakan Latihan Pengurusan Rahsia Rasmi kepada Pegawai Pengelas	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	5 tahun (2026 – 2030)

BIDANG KEUTAMAAN 5

Pentadbiran

STRATEGI 5

Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalaman MARDI

OBJEKTIF STRATEGIK 5.2

Memperkasakan digitalisasi dan automasi serta memperkukuh pematuhan dan integriti dalam pelaksanaan tugas ICT berasaskan SOP dan dasar organisasi

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai tidak merekodkan log aktiviti penyelenggaraan - sukar kesan punca isu keselamatan atau ralat	Membangunkan Sistem Pemantauan/Pengurusan Projek Aplikasi (Project Dashboard)	Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2027)
2.	Pegawai memanipulasi data dan mendedahkan maklumat terperingkat kepada pihak yang tidak berautoriti semasa aktiviti analisis dan pengvisualan data	Menambah Baik Dasar ICT 2026-2030	Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2026)
		Melaksanakan Latihan Kesedaran dan Etika Integriti Data kepada Pegawai yang Mempunyai Akses Data	Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 – 2030)
3.	Penyalahgunaan kuasa teknikal oleh pegawai tanggungjawab untuk memberi capaian luar (VPN) kepada pihak tertentu tanpa kebenaran yang sah	Melaksanakan Pengelogan dengan Menyedia, Menyimpan dan Menyemak Aktiviti Pengguna (<i>Firewall Centralised Log Server</i>)	Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2027)
4.	Pegawai menyalahguna kemudahan Internet Institut oleh kakitangan untuk aktiviti tidak beretika	Melaksanakan Pemantauan Trafik Rangkaian Berterusan dengan Melaksana Semakan Polisi Tapisan Web Setiap Awal Tahun	Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 – 2030)
5.	Pegawai melakukan pengubahsuaian data dalam pangkalan data demi kepentingan peribadi	Melaksanakan Pengaktifan Log Jejak Audit di Pelayan Pangkalan Data	Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 – 2030)

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
6.	Pegawai gagal memantau ketulenan perisian yang dipasang di komputer pengguna	Melaksanakan Kajian, <i>Proof of Concept</i> (POC) dan <i>Pilot Project</i> Sistem Pengesahan ID dan Inventori Perisian ICT Berpusat di Ibu Pejabat dengan Menggunakan <i>Software License Compliance Tool - Microsoft Active Directory/Open Source Domain Controller</i>	Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 – 2030)
		Mewujudkan Prosedur Pemasangan Perisian hanya melalui Pentadbir Sistem ICT sah	Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 tahun (2026 – 2030)

BIDANG KEUTAMAAN 5

Pentadbiran

STRATEGI 5

Memperkukuhkan kecekapan penyampaian perkhidmatan dalaman MARDI

OBJEKTIF STRATEGIK 5.3

Memperkukuhkan sistem pengurusan aset dan fasiliti

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai memanipulasi isu teknikal sehingga berlaku pembaziran sumber semasa menyediakan laporan pemeriksaan dan anggaran kos	Menambah Baik Tatacara/Penyediaan Format Pelaporan yang Seragam dan Tersusun bagi Laporan Cadangan Teknikal dan Kos Termasuk Mewujudkan 'Perakuan Benar' oleh Penyedia Laporan dari Setiap Bidang Kepakaran pada Akhir setiap Dokumen Pelaporan	Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (AM)	1 tahun (2026)
2.	Pegawai memanipulasi maklumat prestasi sebenar peralatan dalam kerja penyelenggaraan kerosakan			

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
3.	Pegawai tidak melaksanakan tapisan keselamatan di pintu keluar masuk Institut	Menambah Baik Sistem Kawalan Palang dan Kawalan Keselamatan Fizikal di MARDI	Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (AM)	5 Tahun (2026 – 2030)
4.	Pegawai menggunakan aset untuk kepentingan peribadi	Menambah Baik Manual Audit Dalam Edisi Ketiga dengan Penambahan Inisiatif	Pusat Audit Dalam (IA)	1 Tahun (2028)
5.	Pegawai cuai sehingga menyebabkan kehilangan aset	Melaksanakan Seminar Pemantapan Pengurusan Aset Alih kepada Pegawai Aset	Pusat Pengurusan Kewangan (FM)	1 tahun (2026)
6.	Pegawai tidak mendaftarkan aset hidup dalam sistem			
7.	Pegawai menyalahguna kuasa memberi kebenaran menggunakan kemudahan kompleks latihan (penginapan, dewan seminar dan lain-lain) kepada kenalan rapat, saudara atau individu tertentu berdasarkan kepentingan peribadi/ tertentu (pengaruh luar)	Mewujudkan Garis Panduan Penggunaan Fasiliti Pusat Bertauliah MARDI dan Kompleks Latihan MARDI	Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan Usahawan (TE)	3 tahun (2026 - 2028)
		Mewujudkan Polisi Pengurusan Pengaruh Luar dan Surat Sokongan	Unit Integriti (IN)	1 Tahun (2026)

BIDANG KEUTAMAAN 6

Sumber Manusia

STRATEGI 6

Memperkasakan perancangan dan pembangunan sumber manusia MARDI

OBJEKTIF STRATEGIK 6.1

Memperkukuhkan pengurusan sumber manusia melalui perancangan dan pembangunan kompetensi modal insan

BIL.	RISIKO	INISIATIF/TINDAKAN	PENERAJU/ PELAKSANA	TEMPOH MASA PELAKSANAAN
1.	Pegawai memanipulasi maklumat permohonan pertukaran penempatan	Membangunkan Modul Pengurusan Pertukaran Pegawai dalam Sistem INTEAM 2.0	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	1 tahun (2027)
2.	Pegawai menyalah guna kuasa dalam proses membuat keputusan kenaikan pangkat	Menambah Baik Modul Pengurusan Kenaikan Pangkat dalam Sistem INTEAM 2.0	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	3 Tahun (2026 – 2028)
		Menambah Baik Garis Panduan Kenaikan Pangkat	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	1 tahun (2027)
3.	Pegawai memanipulasi dokumen bagi mendapatkan kelulusan rekod berkursus untuk kepentingan peribadi	Menambah Baik Modul Pengurusan Latihan dalam Sistem INTEAM 2.0	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 Tahun (2026 – 2030)
4.	Pegawai membocorkan maklumat peperiksaan untuk kepentingan peribadi	Membangunkan Modul Pengurusan Peperiksaan dalam Sistem INTEAM 2.0	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM) dan Pusat Pengurusan ICT (IM)	5 Tahun (2026 – 2030)
5.	Pegawai menyalah guna kuasa dalam menguruskan sesi bimbingan dan kaunseling dengan sempurna	Mewujudkan Garis Panduan AKRAB MARDI	Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)	1 tahun (2027)





03

-
- Struktur Tadbir Urus Pelaksanaan STAR
 - Mekanisme Pelaksanaan, Pemantauan, Penilaian dan Pelaporan

03

MEMPERKASA USAHA PENCEGAHAN RASUAH

Dalam menangani perlakuan jenayah rasuah, salah guna kuasa, penyelewengan dan salah laku integriti, MARDI telah menetapkan matlamat yang jelas untuk mencapai visi nasional iaitu ke arah negara yang bebas rasuah selaras dengan aspirasi negara untuk dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah.

Bagi mencapai matlamat ini, MARDI mewujudkan dan menzahirkan usaha pencegahan rasuah yang lestari untuk tempoh lima tahun akan datang dengan membangunkan struktur tadbir urus yang diperkasakan melalui pembangunan Prosedur Pengurusan Risiko Rasuah/ *Corruption Risk Management* (CRM). CRM yang dibangunkan ini mengandungi kesemua mekanisme berikut:

Tadbir Urus STAR

Pelaksanaan

Pemantauan

Pelaporan

Penilaian


Semakan Semula

TADBIR URUS

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Untuk memastikan inisiatif antirasuah dilaksanakan secara cekap dan sistematik, MARDI telah membangunkan struktur khusus pentadbiran antirasuah yang melibatkan pelbagai peringkat melalui “Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2018 - Pemantapan Governans, Integriti dan Antirasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia: Mekanisme Pengurusan Governans, Integriti dan Antirasuah Kebangsaan” pada 5 Oktober 2018.

Struktur tadbir urus STAR MARDI adalah seperti berikut



MEKANISME PELAKSANAAN

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Dalam melaksanakan STAR, peranan Ketua Pengarah adalah seperti berikut:

- Menerajui pelaksanaan bagi setiap inisiatif yang telah dinyatakan dalam STAR
- Memastikan setiap inisiatif yang berkaitan dilaksana dan direalisasikan mengikut tempoh sasaran yang telah ditetapkan
- Melaksanakan koordinasi dan keterlibatan bersama PTJ yang berkaitan bagi memastikan setiap inisiatif yang bersifat generik dapat diselesaikan dengan lebih berkesan
- Menyebar luas pelaksanaan dan keperluan pematuan setiap inisiatif STAR kepada semua warga MARDI dan pihak berkaitan
- Menguatkuasakan setiap inisiatif atau dasar yang terhasil daripada STAR kepada semua peringkat yang berkaitan

Untuk membangunkan STAR, MARDI telah menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan STAR yang berkolaborasi dengan Unit Integriti serta bertanggungjawab terus kepada perkembangan STAR. Seramai 32 ahli jawatankuasa dilantik dan diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Operasi) untuk melaksanakan analisis persekitaran serta menetapkan hala tuju dan kerangka STAR MARDI 2026 – 2030.

MEKANISME PEMANTAUAN

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Proses pemantauan amat penting bagi memastikan setiap tindakan yang diambil telah mematuhi kehendak dan matlamat STAR. Proses tersebut dapat diterjemahkan kepada tiga peringkat utama seperti ilustrasi di bawah.

Peringkat Pertama:


Pengumpulan Status Pelaksanaan

Peringkat Kedua:

Pelaporan dan Pemantauan Peringkat MARDI

Peringkat Ketiga:

Pelaporan dan Pemantauan Peringkat KPKM



PENUBUHAN JAWATANKUASA PEMANTAUAN RASUAH, TATAKELOLA DAN INTEGRITI (JPRTI)

Bagi memastikan proses pemantauan STAR dapat dilaksanakan dengan berkesan, Jawatankuasa Pemantauan Rasuah, Tatakelola dan Integriti (JPRTI) yang juga berperanan sebagai Jawatankuasa Penyelarasan Prestasi STAR telah ditubuhkan dengan kelulusan Ketua Pengarah MARDI bertarikh 22 Ogos 2025. Keahlian JPRTI adalah seperti berikut:

1. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan dan Operasi)
2. Keahlian terdiri daripada Pengarah Pusat Tanggungjawab (PTJ) di bawah Pembangunan dan Operasi (tidak termasuk Pengarah MARDI Negeri)
3. Keurusetiaan mesyuarat di bawah tanggungjawab Unit Integriti (IN) iaitu Pengarah Unit IN berperanan sebagai Setiausaha
4. Jawatankuasa boleh memanggil mana-mana pegawai lain untuk turut hadir dalam mesyuarat sekiranya perlu

Mesyuarat JPRTI Bil.1 Tahun 2025 | 29 Oktober 2025



MEKANISME PELAPORAN

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Setiap Pusat Tanggungjawab Peneraju yang ditetapkan dalam STAR hendaklah mengkoordinasi pelaporan berkaitan inisiatif yang diterima daripada Pusat Tanggungjawab Pelaksana pada setiap masa sebelum dikemukakan kepada Unit Integriti.

Pegawai Risiko dari setiap Pusat Tanggungjawab Peneraju hendaklah mengemukakan Laporan Pelaksanaan Inisiatif STAR kepada Unit Integriti mengikut pelaksanaan Mesyuarat JTK Peringkat PTJ dengan kekerapan tiga kali setahun seperti berikut:

Bilangan 1 – Januari

Bilangan 2 – Mei

Bilangan 3 – Ogos

Unit Integriti selaku urus setia STAR menyediakan format Laporan Pelaksanaan Inisiatif STAR dalam aplikasi *Google Sheet*. Pegawai Risiko akan mengemukakan laporan dengan mengemas kini laporan secara dalam talian selewat-lewatnya 10hb. bulan berikutnya.

Berdasarkan laporan oleh setiap Pusat Tanggungjawab Peneraju, Unit Integriti mengemukakan Laporan Pencapaian STAR dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat MARDI dan KPKM untuk pertimbangan dan keputusan.



STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Setiap inisiatif yang dijalankan bagi mengurangkan risiko berlakunya rasuah, penyelewengan, pelanggaran tatakelakuan dan integriti akan dinilai keberkesanannya oleh Pegawai Risiko selepas inisiatif telah selesai dilaksanakan.

Bagi memastikan semua inisiatif ditetapkan selesai sepenuhnya, Pegawai Risiko mengisi Borang Penilaian Semula Risiko selepas selesai tindakan pelaksanaan inisiatif dan mendapatkan kelulusan Pengarah Pusat Tanggungjawab.

Status pelaksanaan dan keberkesanan pelaksanaan inisiatif dibentangkan oleh Pegawai Risiko dalam Mesyuarat JPRTI untuk tujuan pemantauan status pelaksanaan dan keberkesanan inisiatif. JPRTI hendaklah:

1. Memantau status pencapaian inisiatif STAR dari semasa ke semasa bagi memastikan ia dapat dilaksanakan mengikut tempoh sasaran yang ditetapkan
2. Menilai keberkesanan pelaksanaan inisiatif agar menyokong matlamat utama objektif strategik yang telah ditetapkan
3. Memantau pematuan terhadap inisiatif yang dikuatkuasakan di peringkat MARDI
4. Mengenal pasti inisiatif terbaik diperingkat MARDI yang boleh dijadikan amalan terbaik untuk dikongsi di peringkat kebangsaan
5. Mengesyorkan penambahbaikan

MEKANISME PENILAIAN

terhadap inisiatif sedia ada atau penambahan inisiatif baharu yang bersifat generik untuk dibincangkan dalam Mesyuarat JPRTI sebelum dikemukakan kepada Mesyuarat JTK peringkat MARDI



SEMAKAN SEMULA DAN PEMBAHARUAN

STRATEGI ANTIRASUAH (STAR) MARDI 2026 – 2030

Penilaian dan semakan semula terhadap keberkesanan STAR dijangka dilaksanakan sekali iaitu pada tahun 2028 bagi memastikan strategi dan pelan tindakan yang dirangka berjaya menangani permasalahan yang timbul. Namun begitu, ia tertakluk kepada keupayaan Pusat Tanggungjawab yang melaksanakan inisiatif tersebut berdasarkan perkembangan yang dilaporkan setiap kali dalam Mesyuarat Jawatankuasa Tatakelola (JTK) Peringkat MARDI.

Manakala tindakan pembaharuan STAR dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2030 iaitu di penghujung tempoh pelan (lima tahun) dan dikeluarkan pada tahun berikutnya STAR MARDI (3.0) 2031 – 2035.





**“Berani untuk jujur
walaupun sukar
kerana integriti
bukan tentang
keselesaan tetapi
kebenaran ”**



04

-
- Harapan MARDI Terhadap Pelaksanaan STAR
 - Penghargaan

04

KESIMPULAN & PENGHARGAAN

HARAPAN MARDI TERHADAP KESAN PELAKSANAAN STAR

Pembangunan STAR MARDI bertujuan untuk menghasilkan pelan yang komprehensif, praktikal dan strategik yang menunjukkan komitmen MARDI memerangi salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah dalam agensi ini. Pelbagai inisiatif dan tindakan yang telah dirancang bertujuan untuk membanteras sebarang perbuatan yang menjurus kepada kemungkinan berlakunya jenayah rasuah.

Intipati Pelan ini yang merangkumi enam strategi serta 64 inisiatif yang telah dikenalpasti sebagai panduan MARDI dalam pengurusan antirasuah. Ia juga sejajar dengan usaha merealisasikan hasrat Kerajaan dalam menjadikan perkhidmatan

awam di negara ini lebih berintegriti dan bebas rasuah.

Bagi memastikan kejayaan STAR ini, setiap inisiatif yang diwujudkan akan dipantau dan dibuat kajian semula. Sebarang maklum balas, panduan dan cadangan dalam usaha memperbaiki STAR ini akan diambil kira bagi memastikan inisiatif yang dirancang kekal relevan dan terus menjadi panduan bagi organisasi ini dalam usaha menangani sebarang salah guna kuasa, penyelewengan dan rasuah.

Komitmen tinggi dari semua pihak pengurusan dan warga MARDI sangat diperlukan bagi memastikan kelangsungan dan kelestarian pelan ini serta menjadikan organisasi ini mempunyai nilai governans, integriti dan antirasuah yang berkualiti tinggi secara konsisten.



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada Ketua Pengarah MARDI dan Jawatankuasa Pemantauan Rasuah, Tatakelola dan Integriti (JPRTI)

Ketua Pengarah MARDI

Dato' Dr. Haji Mohamad Zabawi bin Abdul Ghani

Pengerusi JPRTI

Dr. Sanimah binti Simoh,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan & Operasi)

Ahli JPRTI

1. Dr. Mohd Syaifudin bin Abdul Rahman,
Pengarah Pusat Perancangan Strategik & Pengurusan Inovasi (PI)
2. Tuan Haji Mohd Fariza bin Mat Noor,
Pengarah Pusat Pembangunan & Pengurusan Harta (AM)
3. Dr. Haslina binti Hasan,
Pengarah Pusat Pengkomersialan Teknologi & Bisnes (CB)
4. Encik Kamarul Anuar bin Ismail,
Pengarah Pusat Komunikasi Korporat (CC)
5. Tuan Haji Khairul Rizan bin Mat Ludin,
Pengarah Pusat Pengurusan Kewangan (FM)
6. Encik Ahmad Azlan bin Roslee,
Pengarah Pusat Pengurusan Sumber Manusia (HM)
7. Tuan Haji Abd. Malik bin Othman,
Pengarah Pusat Pemindahan Teknologi & Pembangunan (TE)
8. Puan Nor Hafizah binti Hassim,
Pengarah Unit Integriti (IN)
9. Cik Marlina Wati binti Ishak,
Pengarah Pusat Audit Dalam (IA)
10. Puan Norliana binti Nadzeri,
Pengarah Pusat Urus Tadbir & Perundangan (GL)
11. Puan Aida Al-Quswa binti Mohamad Ali,
Menjalankan Tugas Pengarah Pusat Pengurusan ICT (IM)

Tidak lupa juga apresiasi dan ucapan terima kasih kepada
Jawatankuasa Pembangunan STAR MARDI 2026 – 2030

Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan

Dr. Sanimah binti Simoh,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan & Operasi)

Ahli Jawatankuasa Pembangunan

1. Puan Nor Hafizah binti Hassim, Pengarah
2. Encik Joeohan Syahrizan bin Abdul Rahim, Timbalan Pengarah
3. Ir. Mat Rahim bin Abdul Ghani, Timbalan Pengarah
4. ChM. Mohd Lip bin Jabit, Timbalan Pengarah
5. Encik Azman bin Mohd Adam, Timbalan Pengarah
6. Puan Zaitialia binti Mohlisun, Timbalan Pengarah
7. Puan Jurina binti Jaafar, Pegawai Penyelidik Kanan
8. Puan Armizatul Shima binti Adam Hamzah, Pegawai Penyelidik Kanan
9. Puan Norfaiza binti Ismail, Pegawai Penyelidik Kanan
10. Encik Muhammad Anas bin Othaman, Pegawai Penyelidik Kanan
11. Puan Mariana binti Mat Yasin, Pegawai Penyelidik Kanan
12. Puan Nursalwati binti Abbas, Pegawai Penyelidik Kanan
13. Puan Noor Ismawaty binti Nordin, Pegawai Penyelidik Kanan
14. ChM. Azirah binti Omar, Pegawai Penyelidik Kanan
15. Puan Nur Diyana binti Roslan, Pegawai Penyelidik Kanan
16. Puan Elmaliana binti Albahari, Pegawai Penyelidik Kanan
17. Encik Mohd Arif bin Abd Wahab, Pegawai Teknologi Maklumat Kanan
18. Puan Ainul Mardhiyah binti Zakaria, Pegawai Penyelidik
19. Puan Anees Adilla binti Che Mohd Hashim, Pegawai Penyelidik
20. Encik Sivaganesh a/l Loganathan, Pegawai Penyelidik
21. Puan Nazatulliani binti Mohd Sharif, Pegawai Tadbir Kanan
22. Puan Hawa Shafini binti Mohd Razak, Pegawai Tadbir Kanan
23. Encik Nik Mohd Adib bin Mohd Ghazali, Pegawai Tadbir Kanan
24. Puan Akhmal Nadirah binti Abd Jamal, Pegawai Tadbir
25. Puan Anis Nirmala binti Abdul Patah, Pegawai Tadbir
26. Puan Rusza Ima binti Said Ab Rahman, Pegawai Tadbir

27. Encik Mohamad Rizal bin Sudin @ Samsudin, Pegawai Tadbir
28. Puan Azrida binti Mustaffa, Pegawai Tadbir
29. Encik Muhammad Faiz bin Jemarupin, Pegawai Tadbir
30. Encik Mohd Fadhly bin Mat Shair, Pegawai Tadbir
31. Puan Nurasyiqin binti Abd Rasid, Pegawai Tadbir
32. Encik Shahrul Afandi bin Shaharudin, Pegawai Teknologi Maklumat
33. Encik Muhamad Sufian bin Norashid, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Kanan

Ucapan terima kasih juga kepada Kumpulan Editor Buku STAR MARDI 2026 – 2030

Penasihat

Dr. Sanimah binti Simoh,
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan & Operasi)

Kumpulan Editor

1. Tuan Haji Khairul Rizan bin Mat Ludin
Pengarah Pusat Pengurusan Kewangan (FM), Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
2. Puan Nor Hafizah binti Hassim
Pengarah Unit Integriti (IN), Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
3. Cik Marlina Wati binti Ishak
Pengarah Pusat Audit Dalam (IA), Pegawai Integriti Bertauliah (CeIO)
4. Puan Munah binti Abdul Aziz
Konsultan, Institut Integriti Malaysia (IIM)
5. Encik Mohd Fadhly bin Mat Shair, Pegawai Tadbir
6. Encik Zairi bin Zulkifli, Penolong Pegawai Tadbir

Turut membantu dalam pembangunan STAR MARDI 2026 – 2030

1. Puan Norlijah binti Samsuri, Timbalan Pengarah
2. Encik Mohamad Aizat bin Mohd Zawawi, Pegawai Tadbir Kanan
3. Encik Mohamad Fikri bin Md Yusof, Jurutera Kanan
4. Encik Kamal Fadzli bin Abd Rahman, Pegawai Tadbir
5. Encik Faizal bin Kamal, Penolong Pegawai Penyelidik Kanan
6. Puan Normah binti Asran, Penolong Pegawai Tadbir Kanan
7. Puan Shahdatul Syafiqah binti Faid, Penolong Pegawai Tadbir Kanan
8. Encik Muhamad Nur Saufi bin Sahrom, Penolong Pegawai Penyelidik
9. Encik Mohd Ziyad bin Salipa, Penolong Pegawai Tadbir
10. Puan Nurul Hafidzah binti Yusoff, Pembantu Tadbir
11. Puan Julianna Asyikin binti Ab Johar, Pembantu Tadbir
12. Puan Nur Liyana binti Hamdan, Pembantu Setiausaha Pejabat

**BENGKEL PENILAIAN RISIKO RASUAH (CRA) DAN
PELAN TINDAKAN STAR MARDI 2026 – 2030 |
8 - 10 Oktober 2025**



**MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN
RASUAH, TATAKELOLA DAN INTEGRITI (JPRTI)
BIL. 1 TAHUN 2025 | 29 Oktober 2025**



**BENGKEL PEMURNIAN STAR MARDI 2026 –
2030 | 17 – 18 November 2025**



MESYUARAT KUMPULAN EDITOR | 1 Disember 2025







STRATEGI

ANTIRASUAH (STAR)

MARDI 2026 – 2030

PENERBIT MARDI